

# PM arah BN bekerja keras pertahan Sanggang

KUALA LUMPUR 6 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) bekerja keras membantu UMNO Pahang mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Sanggang.

Perdana Menteri turut mengumumkan pelantikan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob mengetuai Jawatankuasa Pusat BN dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob selaku Pengarah Pilihan Raya BN bagi menghadapi pilihan raya kecil kawasan berkenaan.

“Majlis Tertinggi (MT) UMNO berharap persiapan dibuat untuk menghadapi pilihan raya kecil

Sanggang,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini.

Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya dari BN, Datuk Abdullah Kia pada 26 Februari lalu.

Allahyarham Abdullah mengekalkan kerusi Sanggang pada pilihan raya umum 29 November lalu setelah menewaskan calon Pas, Abdul Rahim Abdul Latif dengan majoriti 1,038 undi.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagaimanapun belum menetapkan tarikh pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri berkenaan walaupun ia dijangka diadakan bulan ini.

UM - 7 MAR 2000